



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 30 Ogos 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>4,000 Kanak-Kanak Perlu Perlindungan Tahun Ini</b> <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/4000-kanakkanak-perlu-perlindungan-tahun-ini-485622">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/4000-kanakkanak-perlu-perlindungan-tahun-ini-485622</a> <a href="https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1291549/4000-kanak-kanak-perlukan-perlindungan-sejak-januari-hingga-mei">https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1291549/4000-kanak-kanak-perlukan-perlindungan-sejak-januari-hingga-mei</a> <a href="https://www.youtube.com/watch?v=4hmqxiw0mEY">https://www.youtube.com/watch?v=4hmqxiw0mEY</a> <a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/3957-kanak-kanak-perlu-perlindungan/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/3957-kanak-kanak-perlu-perlindungan/</a> <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/kes-pengabaian-kanak-kanak-semakin-membimbangkan-nancy/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/kes-pengabaian-kanak-kanak-semakin-membimbangkan-nancy/</a> <a href="https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2334674">https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2334674</a> <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1128336/kes-seksual-membabitkan-kanak-kanak-membimbangkan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1128336/kes-seksual-membabitkan-kanak-kanak-membimbangkan</a> <a href="https://selangorjournal.my/2024/08/nearly-4000-children-need-protection-from-unsafe-situations-from-jan-to-may-this-year/#google_vignette">https://selangorjournal.my/2024/08/nearly-4000-children-need-protection-from-unsafe-situations-from-jan-to-may-this-year/#google_vignette</a> <a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/7-658-kanak-kanak-perlukan-perlindungan-tahun-lalu-nancy">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/7-658-kanak-kanak-perlukan-perlindungan-tahun-lalu-nancy</a>	Astro Awani Berita Harian Bernama TV Utusan Utusan Bernama Harian Metro Selangor Journal Berita RTM	Neutral

	<p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/29/kanak-kanak-sekolah-diajar-lindungi-diri/">https://www.kosmo.com.my/2024/08/29/kanak-kanak-sekolah-diajar-lindungi-diri/</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=fHyVIfm99CQ">https://www.youtube.com/watch?v=fHyVIfm99CQ</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/29/hampir-4000-kanak-kanak-perlu-perlindungan-sepanjang-jan-hingga-mei-tahun-ini-nancy">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/29/hampir-4000-kanak-kanak-perlu-perlindungan-sepanjang-jan-hingga-mei-tahun-ini-nancy</a></p>	<p>Kosmo</p> <p>Berita RTM</p> <p>Utusan Borneo</p>	
2.	<p><b>Sedia Beri Khidmat Kaunseling Kepada Keluarga Mangsa Tanah Jerlus</b></p> <p><a href="https://api.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1128297/sedia-beri-khidmat-kaunseling-kepada-keluarga-mangsa-tanah-jerlus">https://api.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1128297/sedia-beri-khidmat-kaunseling-kepada-keluarga-mangsa-tanah-jerlus</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=X3gDBNBx1-8">https://www.youtube.com/watch?v=X3gDBNBx1-8</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/tanah-jerlus-kementerian-tawar-khidmat-kaunseling-kepada-keluarga-mangsa/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/tanah-jerlus-kementerian-tawar-khidmat-kaunseling-kepada-keluarga-mangsa/</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/tanah-jerlus-kerajaan-tawar-bantuan-kaunseling-kepada-keluarga-mangsa-x94sfp2">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/tanah-jerlus-kerajaan-tawar-bantuan-kaunseling-kepada-keluarga-mangsa-x94sfp2</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/tanah-jerlus-kpwkm-sedia-beri-khidmat-kaunseling-kepada-keluarga-mangsa">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/tanah-jerlus-kpwkm-sedia-beri-khidmat-kaunseling-kepada-keluarga-mangsa</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita RTM</p> <p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita RTM</p>	Neutral
3.	<p><b>Warga Emas Rugi RM50,000 Terperdaya Penipuan Bantuan Kebajikan</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-rugi-rm50000-terperdaya-penipuan-bantuan-kebajikan-485700">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-rugi-rm50000-terperdaya-penipuan-bantuan-kebajikan-485700</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2334892">https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2334892</a></p> <p><a href="https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2334892">https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2334892</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>Bernamea</p>	Neutral

	<p><a href="https://thesun.my/cerita/berita/warga-emas-rugi-rm50000-terpedaya-penipuan-bantuan-kebajikan-DJ12934304">https://thesun.my/cerita/berita/warga-emas-rugi-rm50000-terpedaya-penipuan-bantuan-kebajikan-DJ12934304</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/29/wanita-warga-emas-ditipu-dua-lelaki-rugi-rm50000">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/29/wanita-warga-emas-ditipu-dua-lelaki-rugi-rm50000</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/warga-emas-rugi-rm50000-terpedaya-penipuan-bantuan-kebajikan/">https://www.buletintv3.my/jenayah/warga-emas-rugi-rm50000-terpedaya-penipuan-bantuan-kebajikan/</a></p>	<p>The Sun</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Buletin TV3</p>	
4.	<p><b>Anggota Tentera Berpangkat Koperal Didakwa Rogol, Lakukan Amang Seksual Terhadap Anak Tiri Usia 12 Tahun</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1128258/anggota-tentera-berpangkat-koperal-didakwa-rogol-lakukan-amang-seksual">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1128258/anggota-tentera-berpangkat-koperal-didakwa-rogol-lakukan-amang-seksual</a></p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
5.	<p><b>Dua Termasuk Kanak-Kanak Ditahan Disyaki Curi Barang Dalam Kenderaan</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/682997/berita/semasa/dua-termasuk-kanak-kanak-ditahan-disyaki-curi-barang-dalam-kenderaan">https://www.sinarharian.com.my/article/682997/berita/semasa/dua-termasuk-kanak-kanak-ditahan-disyaki-curi-barang-dalam-kenderaan</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-termasuk-kanakkanak-ditahan-disyaki-terlibat-kes-curi-dalam-kenderaan-485706">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-termasuk-kanakkanak-ditahan-disyaki-terlibat-kes-curi-dalam-kenderaan-485706</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/kes-pecah-kenderaan-kanak-kanak-12-tahun-antara-dua-ditahan/">https://www.buletintv3.my/jenayah/kes-pecah-kenderaan-kanak-kanak-12-tahun-antara-dua-ditahan/</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
6.	<p><b>Kanak-Kanak 12 Tahun Reka Cerita Diculik Takut Dimarahi Bapa Kerana Larikan Diri</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/30/kanak-kanak-12-tahun-reka-cerita-diculik-takut-dimarahi-bapa-kerana-larikan-diri/#google_vignette">https://malaysiagazette.com/2024/08/30/kanak-kanak-12-tahun-reka-cerita-diculik-takut-dimarahi-bapa-kerana-larikan-diri/#google_vignette</a></p>	<p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
7	<p><b>Bayi Ditinggal Di Masjid Ketika Maghrib</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1128346/bayi-ditinggal-di-masjid-ketika-maghrib">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1128346/bayi-ditinggal-di-masjid-ketika-maghrib</a></p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral

	<p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1291557/bayi-dalam-beg-plastik-ditinggalkan-dekat-surau-nilai-3">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1291557/bayi-dalam-beg-plastik-ditinggalkan-dekat-surau-nilai-3</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/bayi-lelaki-baru-lahir-ditemukan-di-surau/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/bayi-lelaki-baru-lahir-ditemukan-di-surau/</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-baru-lahir-ditemukan-di-surau-485645">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-baru-lahir-ditemukan-di-surau-485645</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/682895/berita/semasa/bayi-lelaki-ditinggalkan-atas-sofa-surau-pada-waktu-maghrib">https://www.sinarharian.com.my/article/682895/berita/semasa/bayi-lelaki-ditinggalkan-atas-sofa-surau-pada-waktu-maghrib</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/29/bayi-lelaki-berselimut-ditemukan-di-surau/">https://www.kosmo.com.my/2024/08/29/bayi-lelaki-berselimut-ditemukan-di-surau/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2334724">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2334724</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=DaujCp2ryXY">https://www.youtube.com/watch?v=DaujCp2ryXY</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Bernama</p> <p>Buletin TV3</p>	
8	<p><b>6 Wanita Diselamatkan Dari Jadi Mangsa Eksploitasi</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1128373/6-wanita-diselamatkan-dari-jadi-mangsa-eksploitasi">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1128373/6-wanita-diselamatkan-dari-jadi-mangsa-eksploitasi</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/imigresen-selamatkan-enam-wanita-warga-asing-jadi-mangsa-eksploitasi-seks-485683">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/imigresen-selamatkan-enam-wanita-warga-asing-jadi-mangsa-eksploitasi-seks-485683</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/imigresen-selamatkan-enam-wanita-warga-asing-dieksplotasi-seks/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/imigresen-selamatkan-enam-wanita-warga-asing-dieksplotasi-seks/</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/29/6-wanita-dipaksa-jadi-pelacur-diselamat/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/29/6-wanita-dipaksa-jadi-pelacur-diselamat/</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/29/enam-wanita-warga-asing-jadi-mangsa-seks-terpedaya-tawaran-peluang-pekerjaan/">https://malaysiagazette.com/2024/08/29/enam-wanita-warga-asing-jadi-mangsa-seks-terpedaya-tawaran-peluang-pekerjaan/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2334859">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2334859</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Utusan</p> <p>FMT</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Bernama</p>	Neutral

## 4,000 KANAK-KANAK PERLU PERLINDUNGAN TAHUN INI



*KPWKM mengenal pasti 2,522 terdiri kanak-kanak perempuan manakala 1,435 lagi kanak-kanak lelaki memerlukan perlindungan dari Januari hingga Mei tahun ini. - Gambar hiasan*

**KUALA TERENGGANU:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) merekodkan seramai 3,957 kanak-kanak di seluruh negara memerlukan pemeliharaan dan perlindungan akibat pelbagai kes untuk tempoh Januari hingga Mei tahun ini.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata daripada jumlah itu seramai 2,522 terdiri kanak-kanak perempuan manakala 1,435 lagi kanak-kanak lelaki.

Beliau berkata sepanjang tempoh itu, Sabah ialah negeri paling ramai iaitu seramai 533 orang diikuti Johor (523) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (427). "Jumlah ini amat membimbangkan. Sebab itu kita di kementerian mengambil pelbagai langkah termasuk melaksanakan program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak.

"Memperkasakan anak-anak ini supaya mereka tahu bahawa mereka ada hak dan tahu bagaimana untuk melaporkan sekiranya terdedah atau terlibat dengan situasi tidak selamat seperti penderaan dan pengabaian," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak Peringkat Negeri Terengganu 2024 di Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman II di sini hari ini.

"Ini penting kerana banyak kes bukan hanya dilakukan oleh orang luar tetapi dilakukan oleh sesama keluarga sendiri dan ini menyukarkan kita bila berlaku di rumah. Siapa yang hendak membantu anak-anak ini untuk melapor?," katanya.

Dalam pada itu, Nancy berkata kementerian juga merekodkan seramai 7,658 kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan di seluruh negara sepanjang tahun 2023.

Beliau berkata daripada jumlah itu, seramai 4,892 kanak-kanak perempuan manakala 2,766 kanak-kanak lelaki dan secara keseluruhan Selangor mencatatkan jumlah paling ramai iaitu 1,321 orang; diikuti Johor (1,033); dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (923).

Di Terengganu merekodkan seramai 132 kanak-kanak untuk tempoh Januari hingga Mei tahun ini dengan 85 kanak-kanak perempuan dan 47 lelaki.

Beliau berkata jumlah itu termasuk 63 kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan kerana diabaikan oleh ibu bapa atau penjaga; 24 dcederakan dan dianiaya secara seksual; 13 dcederakan dan dianiaya secara fizikal; manakala 11 lagi tidak dilindungi ibu bapa atau penjaga atas kecederaan dan penganiayaan secara seksual.

Sehubungan itu, program advokasi berkenaan yang dijalankan di seluruh negara terutama di sekolah-sekolah adalah penting antara lain bagi meningkatkan kefahaman kanak-kanak berkenaan situasi yang mereka perlukan pemeliharaan dan perlindungan.

"Sebab itu program advokasi kita tidak lagi kepada orang dewasa, kita pergi ke sekolah untuk kita berkongsi kepada kanak-kanak ini supaya mereka ini yakin bahawa ada peluang untuk mereka melindungi diri sendiri," katanya.

## **SEDIA BERI KHIDMAT KAUNSELING KEPADA KELUARGA MANGSA TANAH JERLUS**

Kuala Terengganu: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedia memberikan khidmat kaunseling kepada keluarga mangsa tanah jerlus di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, menjadi tanggungjawab pihaknya untuk menyantuni dan memberi bantuan kepada mereka.

Beliau berkata, pihaknya sebelum ini sudah menemui keluarga mangsa untuk menawarkan khidmat kaunseling dan kebajikan namun, ahli keluarga wanita itu belum bersedia.

"Kementerian kami nak beri kaunseling pun dia (keluarga mangsa) tak bersedia sebab mereka nak ketenangan sebab sampai sekarang tak dapat (belum ditemui), jadi mereka tak nak diganggu.

"Jadi kita menghormati kehendak mereka (dan) mereka (juga) tidak mahu diganggu dahulu (tapi) kalau perlu kaunseling, kita 'anytime' memang sentiasa bersiap sedia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak Peringkat Negeri Terengganu di Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman 11 di sini hari ini.

Dalam kejadian 23 Ogos lalu, tular rakaman kamera litar tertutup (CCTV) memaparkan seorang wanita India dikenali sebagai Vijayaletchumy,48, tiba-tiba

terjatuh ke dalam lubang sedalam lapan meter akibat kejadian tanah jerlus di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.

### **WARGA EMAS RUGI RM50,000 TERPERDAYA PENIPUAN BANTUAN KEBAJIKAN**

**KAPIT:** Seorang warga emas mengalami kerugian barang kemas dan wang berjumlah RM50,000 selepas terperdaya dengan penipuan tawaran bantuan, Rabu lepas.

Ketua Polis Daerah Kapit DSP Rohana Nanu berkata mangsa berusia lingkungan 70-an didatangi dua lelaki menawarkan bantuan kebajikan kononnya daripada (Jabatan Kebajikan Masyarakat) JKM.

"Bagaimanapun bagi mendapatkan bantuan itu, mangsa diminta mengeluarkan wang dari akaunnya di sebuah bank dan menyerahkan barang kemas bagi memudahkan kelulusan permohonan dengan kesemua itu akan dikembalikan setelah permohonan diluluskan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata mangsa yang kemudian menyedari dirinya ditipu membuat laporan polis di Balai Polis Daerah Kapit, semalam.

Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

### **ANGGOTA TENTERA BERPANGKAT KOPERAL DIDAKWA ROGOL, LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP ANAK TIRI USIA 12 TAHUN**

Ampang: Seorang anggota tentera didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, atas tuduhan merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak tirinya berusia 12 tahun.

Bagaimanapun, tertuduh yang berpangkat Koperal dan berumur 29 tahun, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Norshila Kamaruddin.

Mengikut pertuduhan, bapa tiga anak itu didakwa atas dua pertuduhan merogol anak tiri perempuannya berusia 12 tahun yang mana perhubungan tertuduh dengan mangsa adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang, hukum agama dan adat.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah di Persiaran Baiduri Cheras, jam 3 petang, Jun lalu dan jam 8 malam, 18 Ogos mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lapan tahun dan maksimum 30 tahun dan dikenakan sebat tidak kurang 10 sebatan, jika sabit kesalahan.

Tertuduh juga didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa sama di lokasi sama pada jam 4 petang, Julai lalu, mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan

Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, yang berdepan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan dikenakan sebatan, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Nurfadzlin Mahmad Zulhasnan memohon jaminan RM30,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan kerana kesalahan itu adalah serius dan mengambil kira hubungan mangsa dan tertuduh adalah anak tiri.

"Pendakwaan juga mohon syarat tambahan supaya tertuduh melapor diri di balai polis berhampiran pada setiap bulan, menyerahkan pasport kepada mahkamah dan tidak mengganggu mangsa yang kini berada di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Ibu mangsa masih lagi isteri yang sah kepada tertuduh," katanya.

Peguam, Mark Jeyakumar Michael yang mewakili tertuduh memohon jaminan RM10,000 bagi kesemua pertuduhan memandangkan anak guamnya menanggung isteri yang tidak bekerja dan tiga anak kandungnya masing-masing berusia setahun, empat dan enam tahun.

"Anak guam adalah penanggung tunggal keluarga dan tanpanya agak susah untuk isterinya membiayai perbelanjaan keluarga kerana tertuduh yang menanggung perbelanjaan, selain dia perlu bertugas untuk berkhidmat kepada negara.

"Malah, tertuduh tidak pernah didakwa di mahkamah dan memberikan kerjasama yang baik sepanjang siasatan dijalankan," katanya yang mengesahkan isteri tertuduh yang akan menjadi penjamin.

Bagaimanapun, Nurfadzlin membantah isteri tertuduh menjadi penjamin kerana dia adalah saksi pendakwaan selain tidak bekerja yang mungkin membebaskan wanita itu.

Mendengar hujah kedua-dua pihak, Norshila membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan dengan seorang penjamin.

"Tertuduh juga dilarang mengganggu, tidak melawat mangsa meskipun bersama ibu di JKM seterusnya berbual sama ada menggunakan mesej pesanan ringkas atau apa-apa yang boleh mengganggu perbincangan," katanya yang turut menetapkan sebutan kes 6 November ini.

## BAYI DITINGGAL DI MASJID KETIKA MAGHRIB



BAYI yang ditemui di Nilai 3 malam

tadi. FOTO Ihsan pembaca.

Nilai: Bayi lelaki yang dianggarkan berusia dua minggu ditemui orang awam di atas sofa sebuah surau di Nilai 3, di sini, kira-kira jam 7.30 malam tadi.

Difahamkan, bayi yang dibalut dengan kain dan diletakkan di dalam beg plastik berwarna merah itu berada dalam keadaan sihat dan tiada sebarang kecederaan.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Abdul Malik Hasim berkata, bayi itu dipercayai ditinggalkan seorang individu yang tidak dikenali ketika waktu Maghrib sebelum beredar.

"Kira-kira jam 8.15 malam tadi, Ibu Pejabat Daerah (IPD) Nilai dihubungi seorang lelaki memaklumkan menjumpai seorang bayi lelaki dalam keadaan berselimut dengan kain di dalam sebuah surau di daerah Nilai.

"Siasatan awal dijalankan mendapati suspek dipercayai seorang individu yang tidak dikenalpasti," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Sambung beliau, suspek dikatakan meletakkan bayi lelaki terbabit di atas sofa surau ketika waktu maghrib dan beredar dari surau dengan menaiki kenderaan jenis tidak pasti.

Jelasnya lagi, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran dengan niat membuang bayi.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat boleh menghubungi IPD Nilai di talian 06790 4389," katanya.